

# Etak makanan 'orang kaya'

**J**IKA sebut sahaja etak atau dalam dialek Kelantan iaitu etok, sudah pastinya bagi bukan penggemar mahupun orang luar ia agak jijik untuk dimakan. Namun bagi penduduk setempat atau lebih tepat lagi penggemarnya ia boleh menjadi ketagih untuk menikmatinya.

Mengapa ketagih? Ini disebabkan rasanya yang lemak-lemak masin. Jika dikemam lama-lama di dalam mulut-adoi, sangatlah sedap. Apatah lagi sekarang ini dijual dengan pelbagai perisa.

*Harga makanan warisan itu sudah melambung tinggi*

ROSMIZA KASIM

**J**IKA dahulunya popular dengan etak salai (original) tetapi kini sudah ada perasa pedas, masin, manis dan terbaharu yang jarang ditemui adalah perisa tomyam.

Rasa asap dari bahan bakar yang menyalai etak itu memberikan kelainan dan menambahkan lagi kesedapan serta keunikan rasa pada etak itu sendiri.

*Harga etak makin melambung*

Pun begitu, jika diimbau sekitar tahun 1990an, sudah pasti masih ingat ketika itu, dengan RM1 sudah boleh membeli satu ke-



Zulhairi Abdul Razak, 35, dari Kampung Jal Kechik, Tumpat memperkenalkan etak tiga rasa.

longsong besar etak (dibungkus bentuk kon gunakan surat khabar).

Namun sejak kebelakangan ini boleh seringgit diibaratkan sudah tidak laku untuk beli etak.

Apa tidaknya, ketika wartawan Sinar Harian sendiri mahu membeli satu kelongsong etak yang kecil di sekitar Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas dan Bachok, sudah berharga RM3, sederhana RM5. Terkejut apabila dibuka kelongsongnya terdapat sekitar 15 hingga 20 biji sahaja itu kira bernasib baik. Ada sesetengah tempat lagi sedikit dari itu.

Wow! sangat mahal sekarang ini.

### PERBANDINGAN HARGA ETAK

DAHULU	SEKARANG
50-60 biji RM3	5-30 biji RM3
1 kilogram RM4-RM5	1 kilogram RM8-RM12

Boleh dikatakan jika dahulu ia dianggap sebagai makanan orang kampung namun kini boleh disebut sebagai 'snek orang kaya'. Tidak keterlaluan kalau disebut juga penjual-penjualnya mahupun pagedarnya kita boleh dipanggil sebagai jutawan etak.



Minimum 21 biji etak kebiasaannya dijual dengan harga RM3 sahaja



Kumpulan penyelidik yang berusaha mendokumenkan etak sebagai makanan warisan negeri ini.



Terdapat etak yang bersalz sebesar duit syiling RM50 sen.